

**Wanita Umno P.Pinang Ikrar Sokong Shahrizat
Bernama
15 Ogos, 2013**

GEORGE TOWN, 15 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Pulau Pinang hari ini berikrar memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk menerajui sayap parti itu pada pemilihan parti Oktober ini.

Ketua Wanita Umno negeri Zabariah Wahab berkata, Shahrizat mempunyai kewibawaan untuk memimpin Wanita dan beliau harus diberi peluang untuk meneruskan perjuangan agenda wanita dalam parti.

"Di bawah era pentadbiran kepimpinannya beliau telah berjaya menambah penglibatan wanita dalam pentadbiran awam dan pembuat dasar. Kami rasa perpaduan yang telah terjalin di bawah kepimpinan Datuk Seri Shahrizat perlu diteruskan dan dikekalkan," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Wanita Umno negeri di sini hari ini.

Beliau berkata dalam tempoh sepenggal menerajui Wanita Umno, Shahrizat berjaya membawa perubahan besar dalam pergerakan itu termasuk penjenamaan semula Wanita Umno menerusi program seperti Jalinan Rakyat, Skuad Sayang dan Ziarah Sayang.

Katanya, program-program itu telah memberi kekuatan kepada Umno untuk memenangi pilihan raya umum dan beberapa pilihan raya kecil.

Zabariah berkata Wanita Umno Pulau Pinang juga menggesa agar jawatan Ketua Wanita tidak dipertandingkan bagi memberi laluan kepada Shahrizat menjalankan tugas dan menjaga keharmonian parti.

"Sebaiknya tak usah ada pertandingan...kita bagi peluang kepada Datuk Seri Shahrizat untuk terus menjalankan tugas-tugasnya menjaga parti dan juga Wanita," katanya.

Baru-baru ini, bekas Ketua Puteri Umno Datuk Seri Azlina Othman Said yang juga anggota Parlimen Pengerang dipetik sebagai berkata beliau akan mencabar Shahrizat bagi jawatan Ketua Wanita Umno.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970103>